

## Promosi Hertz Mastercard

### TERMA DAN SYARAT

#### Kad UOBM Lady's Solitaire

#### Kelayakan

1. Promosi **Hertz Mastercard** ("Promosi") United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) ("UOBM") terbuka kepada semua Ahli Kad Kredit utama dan tambahan Lady's Solitaire UOBM ("Ahli Kad") yang akaun (-akaun)nya terkini, sah, dan wujud, dalam keadaan kredit yang baik sebagaimana yang ditentukan oleh UOBM mengikut budi bicara mutlaknya.
2. Promosi ini hanya dibuka kepada Kad Lady's Solitaire UOBM yang dikeluarkan di Malaysia.
3. Berikut adalah mereka yang tidak layak untuk Promosi ini :-
  - i. Ahli Kad yang akaun(-akaun)nya telah dihentikan, digantung atau ditamatkan dalam Tempoh Promosi ini;
  - ii. Semua Ahli Kad Kredit dan Debit UOBM yang lain yang tidak memegang Kad UOB Lady's Solitaire;
  - iii. Akaun dengan UOBM yang dikira delinkuen atau dikendalikan dengan cara yang tidak memuaskan yang ditentukan oleh UOBM dengan budi bicara mutlaknya;
  - iv. Mereka yang tidak siaman, telah meninggal, bankrap atau mereka yang mempunyai sebarang kes guaman terhadapnya.
4. Promosi ini dianjurkan oleh MasterCard Asia/Pacific Pte Ltd ("Penganjur").
5. Tempoh Promosi adalah dari **1 Januari 2016 sehingga 31 Disember 2016** (kedua-dua tarikh termasuk) ("Tempoh Promosi"), kecuali dinyatakan sebaliknya.
6. UOBM bukan pihak kepada Promosi ini dan Promosi ini ditadbir oleh terma dan syarat Pihak Penganjur dan terma dan syarat Hertz (Saudagar yang Menyertai), sebagaimana yang dinyatakan di dalam klausa 7-10 dibawah.

#### Terma dan Syarat Penganjur dan Saudagar yang Menyertai

7. Semasa Tempoh Promosi, Ahli Kad berhak untuk menikmati ('Tawaran'): -
  - i. Diskaun 10% untuk sewa kad di seluruh dunia;
  - ii. Naik taraf dua-kelas kereta (tertakluk kepada ketersediaan).
8. Tempahan hendaklah dibuat sekurang-kurangnya 4 hari lebih awal melalui [www.happartners.com/mastercard](http://www.happartners.com/mastercard).

9. Promosi ini tidak sah pada kos penghantaran, lain-lain promosi, tawaran, diskaun, baucar dan kupon.
10. Promosi ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat Saudagar yang Menyertai ini.

#### **Terma Dan Syarat Am**

11. Dengan menyertai Promosi ini, Ahli Kad bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat berikut dan sebarang terma dan syarat Perjanjian Ahli Kad Visa/Mastercard.
12. Keputusan Penganjur, Saudagar yang Menyertai dan/atau UOBM berhubung dengan segala aspek promosi adalah muktamad, tidak dapat dipertikaikan dan terikat. Sebarang aduan, rayuan, pertanyaan dan/atau surat-menyurat dari mana-mana Ahli Kad tidak akan dilayan.
13. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOBM dengan nyata mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, jaminan atau pengendorsan, tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa had kepada apa-apa yang diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan berkenaan dengan Promosi dan Tawaran.
14. UOBM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang perwakilan atau salah nyataan fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak sah berkenaan Promosi ini dan menerbitkannya di mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.
15. UOBM tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menerima apa-apa liability dalam apa jua bentuk dan walau apa pun yang timbul atau dialami oleh Ahli Kad dan/atau pihak ketiga yang berpunca secara langsung atau tidak langsung dari Promosi ini.
16. UOBM tidak mempunyai kaitan dengan Penganjur dan/atau Saudagar yang Menyertai dan tidak membuat sebarang perwakilan atau jaminan berhubung dengan kualiti produk dan / atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh Saudagar yang Menyertai.
17. UOBM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang ketidakpuasan hati berhubung dengan kualiti produk dan / atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh Saudagar yang Menyertai.
18. Jikalau terdapat perselisihan diantara terma dan syarat serta sebarang pengiklanan, promosi, publisiti dan kolateral yang lain berhubung atau berkaitan dengan Promosi ini, terma dan syarat ini akan diguna pakai.
19. UOBM berhak untuk menambah, membatalkan, menggantung atau mengubah terma dan syarat promosi, dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagian, mengikut budi bicara

mutlaknya, dengan memberi dua puluh (21) hari notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad melalui laman web UOBM, memaparkan notis di mana-mana cawangan UOBM dan / atau memasukkan pernyataan ke dalam penyata Akaun.

20. Terma dan syarat ini adalah ditadbir dan ditafsirkan selari dengan undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa yang tidak eksklusif mahkamah Malaysia.

**[TAMAT]**